

PERTANDINGAN KONTEMPORARI

MENURUT PERSPEKTIF ISLAM



PENULIS
AZMAN AB. RAHMAN



44

Pertandingan Kontemporari Menurut Perspektif Islam



Pertandingan Kontemporari Menurut Perspektif Islam

**PENULIS
AZMAN AB RAHMAN**

**Penerbit
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan
2007**

Cetakan pertama 2007

© Hak cipta terpelihara Kolej Universiti Islam Malaysia 2007

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:
Penerbit KUIM,
Kolej Universiti Islam Malaysia,
Bangunan Pentadbiran,
Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan.
Tel : 06-798 8045 / Faks : 06-798 8054

Reka Letak & Urus Cetak:
CT CERANA PRINTER
No. 9, U5/151, Jalan Zuhrah
Taman Subang Murni, Bandar Pinggiran Subang
40150 Shah Alam, Selangor.
Tel/Faks : 03-7845 0579 H/P : 019-268 9516

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Azman Ab. Rahman

Pertandingan kontemporari menurut perspektif Islam / penulis:

Azman Ab Rahman.

ISBN 983-2950-32-5

1. Contests. 1. Judul.

790.134

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
KATA PENGANTAR	iv
PRAKATA	v
DEDIKASI	vii
PENGHARGAAN	viii
PENDAHULUAN	1-12
BAB I: KONSEP PERTANDINGAN ILMIAH DAN KESUKUANAN SERTA GANJARANNYA	13-42
Bahagian Pertama: Pengertian <i>al-Musabaqah</i> (Pertandingan)	13-24
Bahagian Kedua: Hubungan antara <i>al-Musabaqah</i> dengan <i>al-Qimar</i> , <i>al-Maysir</i> (Perjudian) dan <i>al-Ji'alah</i> (Upah)	25-32
Bahagian Ketiga: Hubungan antara <i>al-Musabaqah</i> dengan <i>al-Rihan</i> (Pertaruhan)	33-42
BAB II: STATUS <i>AL-MUSABAQAH</i>	43-72
Bahagian Pertama: Akad <i>al-Musabaqah</i> Dari Sudut <i>al-Luzum</i> (Terikat) dan 'Adam (Tidak Terikat)	43-45
Bahagian Kedua: Pembahagian <i>al-Musabaqah</i> dari Sudut <i>al-'Iwad</i> (Ganjaran atau Hadiah) Atau Tanpanya	46-72

BAB III: PERTANDINGAN ILMIAH KONTEMPORARI, GANJARANNYA SERTA HUKUMNYA	73-96
Bahagian Pertama: Definisi Pertandingan Ilmiah Kontemporari, Pensyariatannya dan Hukum Ganjaran	73-76
Bahagian Kedua: Pertandingan Melalui Saluran Televisyen dan Radio	77-83
Bahagian Ketiga: Pertandingan dalam Akbhar dan Majalah, Institusi Keilmuan serta Pusat Penyelidikan.	84-90
Bahagian Keempat: Pertandingan Melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS)	91-96
BAB IV: PERTANDINGAN KESUKANAN KONTEMPORARI, GANJARANNYA SERTA HUKUMNYA	97-124
Bahagian Pertama: Perlawanan Tinju dan Gusti	97-108
Bahagian Kedua: Perlumbaan Kereta dan Motosikal	109-115
Bahagian Ketiga: Perlawanan Bolasepak	116-124
PENUTUP	125-127
BIBLIOGRAFI	128-140
GLOSARI	141

KATA PENGANTAR

Sesuatu yang tersirat daripada penulisan buku ini ialah ia diterbitkan pada masa tersebabnya pelbagai bentuk *al-Musabaqah* (pertandingan) di media massa sama ada yang boleh didengar, ditonton dan yang dibaca. Di samping itu, pertandingan ini juga disertai oleh golongan dewasa, kanak-kanak, masyarakat umum dan juga golongan terpelajar tanpa mengambil kira ciri-ciri pertandingan tersebut atau mengambil kira beberapa aspek larangan syarak yang terangkum di dalamnya seperti terdapat unsur-unsur perjudian dan pertaruhan. Oleh itu, buku ini berperanan menjelaskan perkara yang perlu diberi penjelasan dari sudut pengertian pertandingan, ciri-cirinya, pandangan ulama terhadapnya, larangan-larangan syarak, di samping menyeru masyarakat supaya menjaga tujuan-tujuan asal *al-Musabaqah* dan objektif ilmiahnya supaya dapat mengangkat taraf keilmuan para peserta.

Penulis buku ini telah membincangkan perbincangan tajuk dari sudut fiqh secara mendalam dari segi asas-asas hujahnya. Ia merupakan satu langkah yang sistematik apabila membahaskan permasalahan semasa yang menuntut kepada suatu kajian, penelitian dan penyelidikan dari sudut pensyariatannya berdasarkan asas-asas syarak yang umum dan matlamat-matlamatnya. Penulis Azman Ab Rahman merupakan seorang pengkaji yang berkemampuan dan berketrampilan dalam membuat kajian, analisis dan mampu menangani permasalahan fiqh kontemporari. Buku ini menjadi bukti dan boleh dianggap sebagai hasil penelitian serta penglibatan beliau beberapa tahun dalam satu-satu kajian dan pengajaran.

Semoga Allah SWT memberkati usahanya untuk penulisan ini dan usahanya yang bersungguh-sungguh mendalami permasalahan-permasalahan terkini. Semoga ia mendatangkan manfaat kepada umat Islam dalam menjelaskan sesuatu yang halal dari yang haram.

Dr. Faridah Zouzou
Pensyarah Fiqh Kontemporari
Kolej Universiti Islam Malaysia.

PRAKATA

Segala puji-pujian kepada Allah SWT, selawat dan salam buat junjungan besar Rasulullah SAW, keluarga, para Sahabat dan sesiapa sahaja yang mengikut jalannya.

Penulisan buku ini mengandungi beberapa penjelasan berkenaan hukum-hukum bagi sesuatu pertandingan yang berlaku pada masa kini. Turut dikemukakan juga di sini asas-asas penetapan sesuatu hukum yang berkaitan dengan pertandingan. Oleh itu, penulis mengemukakan pandangan fuqaha dan diperjelaskan lagi permasalahan-permasalahan hukum yang menjadi persepakatan di antara ulama dan perkara yang menjadi perbezaan pendapat di kalangan mereka. Seterusnya diikuti dengan pandangan yang kuat (rajih) berdasarkan penggunaan kaedah mentarjihkan sesuatu pandangan yang diakui oleh para fuqaha.

Penulis mendapat idea penulisan buku ini berdasarkan pemerhatian penulis terhadap berbagai-bagai corak pertandingan yang disiarkan di media massa tanpa suatu pengetahuan yang jelas di kalangan peserta-peserta yang terlibat tentang keharusan dan larangan. Maka penulis beranggapan permasalahan ini memerlukan suatu bentuk penjelasan yang konkrit kepada sesuatu yang samar-samar, penerangan kepada sesuatu yang tidak jelas dan menzahirkan hukum syarak bagi setiap masalah yang muncul dari pelbagai lapangan media.

Penulisan ini dimulakan dengan penerangan berkenaan pengertian istilah pertandingan, kepentingannya dan jenis-jenisnya. Kemudian penulis menumpukan kajian kepada penerangan berkaitan bentuk-bentuk persamaan dan perbezaan antara *al-Musabaqah*, *al-Qimar* dan *al-Ji'alah*. Ini bagi menunjukkan kepentingan menganalisa status sesuatu pertandingan yang berada dalam kontrak supaya dapat membezakan ciri-cirinya. Di samping itu diberikan penerangan berkenaan jenis-jenis pertandingan semasa atau terkini dan dikemukakan bentuk pertandingan yang dibenarkan oleh syarak iaitu dari sudut ia terhindar daripada terlibat dengan sesuatu yang dilarang dan dikuatkan dengan kepentingan pertandingan bagi peringkat individu, masyarakat dan juga negara.

Penulis memohon kepada Allah SWT yang Maha Tinggi lagi maha Berkuasa agar melimpahkan rahmat Nya dan menjadikan penulisan ini sebagai suatu sumbangan yang ikhlas kepada Nya dan disebarkan manfaatnya. Sesungguhnya Dialah yang Maha berkuasa menentukan segala sesuatu.

Penulis,

Azman Ab Rahman

Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Kolej Universiti Islam Malaysia

DEDIKASI PENULIS

Usaha yang tidak seberapa ini dihadiahkan kepada kedua-dua ibu bapa yang tersayang Ab Rahman Sulaiman dan Zainab Osman, serta ahli keluarga, rakan yang terlibat dengan penulisan buku ini secara langsung ataupun tidak dan yang sentiasa memberi dorongan serta semangat untuk memperkembangkan ilmu serta memberikan sumbangan kepada agama, bangsa dan negara.

PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan yang setinggi-tingginya dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Y.Bhg. Prof Dato' Dr. Abdul Shukor Hj Husin, Rektor KUIM, Jawatankuasa Penerbitan KUIM, kepada semua guru-guru, rakan-rakan yang terlibat secara langsung ataupun tidak dalam memberi sumbangan dan idea dalam menghasilkan penulisan dan buku ini. Terima kasih juga kepada Unit terbitan KUIM, Puan Hariza Mohd Yusuf dan Cik Khairunnajwa Mohd Tahed, Pegawai Penerbitan KUIM yang terlibat dalam penyusunan dan penyuntingan buku ini serta mereka yang terlibat secara langsung dalam penghasilan buku ini saudara Mohd Nasir Abdul Majid, Norzulaili Mohd Ghazali, Robiatul Adawiyah Mohd@Amat dan Zulhilmi Mohamed Nor.

PERTANDINGAN KONTEMPORARI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM



MENGENAI PENULIS - Azman Ab Rahman

Pensyarah di Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM). Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Al-Bayt, Mafraq, Jordan dalam bidang fiqh dan usul fiqh dan M.A dalam bidang yang sama di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Banyak melibatkan diri dalam penyelidikan, penulisan dan pembentangan kertas kerja di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Buku *Pertandingan Kontemporari Menurut Perspektif Islam* ini membahaskan konsep al-Musabaqah (pertandingan) ilmiah dan kesukanan serta hubungannya dengan al-Maysir (perjudian) dan al-Rihan (pertaruhan). Pertandingan sistem pesanan ringkas (SMS), peraduan teka silangkata, pertandingan realiti kuiz merupakan antara contoh pertandingan kontemporari yang bercorak ilmiah; manakala pertandingan berbentuk kesukanan adalah seperti perlumbaan kereta, gusti dan tinju. Buku ini turut menggariskan beberapa panduan yang perlu difahami oleh mereka yang terlibat dengan pertandingan sedemikian samada dari pihak peserta, penganjur dan penaja. Juga turut dibincangkan adalah unsur-unsur yang mungkin menyebabkan suatu pertandingan dianggap sebagai perjudian dari sudut syariah. Diharapkan agar buku ini dapat memberi penjelasan kepada masyarakat dalam memahami isu ini dan kedudukannya dari perspektif syariah agar tidak terjerat dengan perkara yang diharamkan oleh syariah.

ISBN 983-2950-32-5



9 789832 950325